



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3212 BAHASA KEBANGSAAN A**  
 Semester & Year : January – April 2020  
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1** : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Penyakit kemurungan merupakan gangguan perasaan yang boleh menyebabkan seseorang itu berasa sedih berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga. Malahan, mereka akan menjadi seorang cepat marah dan hilang minat dalam aktiviti seharian. Penyakit kemurungan ini perlu dipandang serius dan masyarakat perlu membantu pesakit kemurungan dengan langkah-langkah yang sepatutnya.

Antaranya **cara yang paling ampuh** adalah seperti membawa pesakit untuk berjumpa dengan doktor di hospital atau klinik kesihatan yang terdekat. Lebih 80% dapat disembuhkan dengan rawatan yang teratur dan intensif. Antaranya adalah seperti penggunaan ubat 'anti-depressant' dan terapi elektrokonvulsif (ECT). Hal ini menjelaskan bahawa penyakit kemurungan boleh dirawat dan tidak akan hilang dengan sendirinya seperti yang difikirkan oleh masyarakat. Salah faham ini boleh menyebabkan hal yang lebih serius berlaku kepada pesakit. Misalnya, kes kematian seperti yang pernah berlaku di Kuching, Sarawak baru-baru ini. Remaja perempuan berusia 16 tahun telah bertindak terjun dari bangunan tingkat tiga selepas mendapat undian yang menyokong tindakannya untuk membunuh diri. Mungkin pada fikiran orang lain, kemurungan adalah hal yang sengaja diada-adakan dan sekadar gurauan.

Selain itu, masyarakat juga perlu peka terutama kepada mereka yang mempunyai risiko yang tinggi untuk berdepan dengan kemurungan seperti mereka yang menghidap penyakit kronik, mereka yang kehilangan anggota badan secara tiba-tiba, berlaku masalah rumah tangga, mangsa penderaan dan sebagainya. Mereka yang mengalami kemurungan ini kadangkala tidak sedar bahawa mereka memerlukan pertolongan. Di sinilah perlunya bantuan daripada ahli keluarga untuk membuat sesuatu yang boleh menyenangkan pesakit kemurungan. Mereka boleh membawa pesakit untuk berjumpa dengan kaunselor. Sesi kaunseling yang diberikan sedikit sebanyak akan menjadi pesakit lebih bersemangat dan mendapat energi yang baharu untuk meneruskan kehidupan mereka. Kaunselor atau pakar kaunseling akan bertindak sebagai perantara kepada pesakit dalam menguruskan emosi serta mencadangkan rawatan psikoterapi atau sebagainya.

Kesimpulannya, hampir semua manusia mempunyai potensi untuk berdepan dengan penyakit kemurungan. Hal ini bergantung kepada diri individu itu sendiri, iaitu cara mereka mengawal dan cara masyarakat menguruskan permasalahan ini. Keprihatinan orang sekeliling akan membantu pesakit dan akhirnya memberikan kehidupan yang baru kepada mereka nanti.

*(Dipetik dan diubah suai daripada buku kecil Kemurungan, Kementerian Kesihatan, 2012)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa "cara yang paling ampuh"? **(2 markah)**
2. Nyatakan **EMPAT (4)** tanda gejala kemurungan berdasarkan petikan ini. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** cara yang perlu dilakukan oleh pesakit kemurungan untuk membantu diri sendiri? **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Emak tidak menjawab. Jemarinya bersilang lembut membentuk bakul yang menjadi punca rezeki. Itupun di atas beranda yang sudah tidak tahu berapa lagi akan bertahan. Aku menjeling lagi, kata-kataku tadi tidak bersambut. Aku mendengus kasar, biar didengari emak.

“Mak! Dengar tak Sarah cakap ni? Atau dah memang telinga itu pun lumpuh juga.” Makiku tanpa mengenal dosa pahala.

Ya, aku anak derhaka waktu itu tetapi tidak lagi sekarang. Sekarang aku sama nasib dengan emak, kakiku lumpuh sama seperti nasib emak dahulu. Aku juga menghabiskan masaku dengan bersidai di beranda ini. Yang bezanya aku tidak menganyam mengkuang untuk dibuat bakul seperti emak, sebaliknya meratap kisah hidupku yang terlalu menyedihkan.

“Kita bukan orang senang, Sarah. Kita ni hidup bagai **kais pagi makan pagi, kais petang makan petang**. Bersyukurlah kita masih dapat makan dan minum untuk terus hidup.” Emak menjawab lembut. Dia seperti tidak ambil kisah dengan tindakanku yang memberontak.

“Sebab bersyukur itulah Sarah tak ada baju cantik. Duit poket pun tidak ada. Sarah dah besar emak. Sarah pergi ke sekolah, tidak ada yang nak berkawan dengan Sarah! Baju Sarah tak ada pewangi, busuk macam rumah ni juga.” Aku melawan nasihat emak.

Ah, kalaulah emak berada di depanku waktu ini, aku akan mengambil peluang untuk tidur di ribanya.

*(dipetik dan diubah suai daripada cerpen  
'Beranda' oleh Normaizura Md Zain, Januari 2008)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **kais pagi makan pagi, kais petang makan petang**? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Sarah begitu marah kepada emaknya? Nyatakan **EMPAT (4)** sebab. **(4 markah)**
3. Berdasarkan keseluruhan cerpen ini, berikan **DUA (2)** nilai dan pengajaran yang boleh dicontohi dengan huraian yang sesuai. **(4 markah)**

**TATABAHASA (20 markah)**

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. swafoto **(2 markah)**
- II. tular **(2 markah)**
- III. dalam talian **(2 markah)**
- IV. muat naik **(2 markah)**
- V. muat turun **(2 markah)**

**(10 markah)**

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Semua bekerja di syarikat itu akan keluar makan pada waktu tengahari selama satu jam.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Agensi pelancongan itu telah ditahan kerana didakwa tertipu para pelancong dari India bulan lepas.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Puan Darlina bercadang untuk membeli sebuah banglow baharu yang meletakkan di atas bukit.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Saya suka menyaksikan keindahan pemandangan di Cameron Highlands kerana warnanya yang penuh penghijauan.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Pengguna jalanraya perlu peka dengan modus operandi kumpulan penjenayah yang terguna kaedah melanggar kenderaan mangsa sebagai taktik untuk menyamun.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**SOALAN 2** : **SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

**SOALAN 1**

Isu ragut semakin berleluasa terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menangani masalah ragut ini daripada terus berlaku?

**ATAU;**

**SOALAN 2**

Kempen gaya hidup sihat telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang mementingkan kesejahteraan hidup. Bincangkan amalan yang wajar anda lakukan untuk memastikan kesihatan diri sentiasa terjaga.

**ATAU;**

**SOALAN 3**

Kerajaan telah berusaha menyediakan prasarana yang mencukupi untuk memastikan sistem pengangkutan awam berjalan lancar untuk memudahkan rakyat. Bincangkan kelebihan-kelebihan pengangkutan awam kepada masyarakat di negara ini.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**